

Polisi Insurans **Perlindungan Bayaran MEDI QBE**

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

(Bacalah Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil **Perlindungan Bayaran MEDI QBE**. Pastikan anda juga membaca terma terma dan syarat-syarat umumnya.)

1. Apakah produk ini?

Polisi ini membayar pampasan bagi belanja dimasukkan ke hospital, pembedahan, dan belanja lain yang berkait dengannya jika penyakit didiagnosis atau jika berlaku kemalangan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

Antara manfaatnya yang penting ialah:

- Bilik Dan Penginapan
- Bayaran Khidmat Pakar Bedah
- Kos Sebelum Dimasukkan Ke Hospital Dan Selepas Dibenarkan Keluar
- Bayaran Khidmat Ambulans
- Rawatan Kanser Sebagai Pesakit Luar
- Rawatan Dialisis Ginjal Sebagai Pesakit Luar

Nota:

Sila rujuk kepada Borang Cadangan untuk mengetahui semua manfaat yang disediakan dan amaun insuransnya. Tempoh perlindungan adalah selama setahun. Anda perlu membaharui perlindungan insurans anda setiap tahun.

3. Adakah had dikenakan terhadap amaun yang dibayar?

Manfaat yang boleh dibayar terbatas oleh had tahunan keseluruhan bagi pelan pilihan anda itu. Untuk mengetahui butir-butirnya, sila rujuk kepada Borang Cadangan.

4. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza mengikut pelan yang anda pilih, umur anda dan keperluan pengunderaitan kami. Sila rujuk kepada borang cadangan untuk mengetahui premium yang dikenakan.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
Komisen yang dibayar kepada ejen	Setakat 15% daripada premium yang dikenakan
Duti setem	RM10

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang patut saya ketahui?

Kepentingan memberikan keterangan – Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk diri sendiri/keluarga/tanggungannya, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan tersebut dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

- **Tempoh percubaan percuma** – anda boleh membatalkan polisi anda jika anda memulangkannya dalam masa 15 hari selepas anda menerimanya. Anda berhak mendapat bayaran balik premium yang sepenuhnya selepas ditolak belanja pentadbiran kami.
- **Tempoh Menunggu** – anda hanya berhak mendapat manfaat di bawah polisi ini selepas 30 hari dari tarikh kuat kuasa polisi ini.
- **Perubahan Risiko** – anda mesti memaklumkan kepada kami secara bertulis jika berlaku perubahan pada pekerjaan dan kegemaran anda.
- **Rawatan Di Luar Negeri** – kami tidak akan membayar bagi rawatan di luar negeri jika sesuatu penyakit itu didiagnosis di Malaysia, ataupun bagi penyakit yang tidak berupa kecemasan atau masalah kronik yang secara munasabahnya boleh ditangguhkan rawatannya sehingga pesakit kembali ke Malaysia.
- **Mastautin Di Luar Negeri** – kami tidak akan membayar bagi rawatan perubatan yang diterima oleh orang yang diinsuranskan ini di luar Malaysia, jika dia tinggal atau merantau ke luar Malaysia selama tempoh yang melebihi 90 hari.
- **Prosedur Membuat Tuntutan**

Notis harus diberikan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh sebarang kejadian yang memungkinkan tuntutan di bawah polisi ini, dengan memberi kami penyataan bertulis yang terperinci.

7. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- Penyakit yang memang sudah dihidapi dan penyakit yang dinyatakan
- Pembedahan plastik atau kosmetik
- AIDs dan HIV
- Kehamilan, kelahiran, keguguran
- Bunuh diri atau percubaan membunuh diri, kecederaan yang disengajakan terhadap diri sendiri
- Kecacatan sejak lahir

Nota:

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

8. Bolehkah saya membatalkan polisi ?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis secara bertulis. Setelah dibatalkan, anda layak menerima sejumlah bayaran balik premium yang tertentu, dengan syarat anda belum membuat tuntutan terhadap polisi ini.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika ada perubahan pada butir-butir butiran perhubungan saya?

Anda mesti memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada butir-butir perhubungan anda supaya semua surat akan sampai kepada anda pada masanya.

10. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat selanjutnya?

Jika anda memerlukan maklumat selanjutnya mengenai insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk kepada buku panduan *insuransinfo* mengenai 'Insurans Perubatan Dan Kesihatan', yang boleh didapati di semua cawangan kami, ataupun anda boleh memohon naskhah daripada ejen kami, ataupun melayari laman web www.insuranceinfo.com.my

11. Jenis-jenis Insurans Perubatan Dan Kesihatan lain yang disediakan ialah:

- Tambahan MEDI QBE

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

QBE Insurance Malaysia Berhad

Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia

No. 638, Aras 6, Blok B1, Leisure Commerce Square,
No 9, Jalan PJS 8/9 46150, Petaling Jaya,
Alamat Surat-menyurat: Peti Surat 10637, 50720 Kuala Lumpur.
Nombor Telefon: 03 7861 8400 Nombor Faks: 03 78737430
E-mel: info.mal@qbe.com

NOTA PENTING:

Anda sendiri hendaklah berpuas hati bahawa polisi ini dapat memenuhi keperluan anda dengan sebaik-baiknya. Anda harus membaca dan memahami polisi insurans ini dan berbincang dengan ejen ataupun terus menghubungi syarikat untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.